

Pengurusan UMS Kampus Labuan jamin beri perhatian kepada pelajar

NST 27.09.2012 9

LABUAN : Pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sentiasa memberi perhatian terhadap sebarang permintaan daripada pelajar universiti itu.

Pengaruhnya, Prof Madya Dr Ismail Ali berkata beberapa projek pembangunan infrastruktur berkaitan kemudahan di kolej kediaman, bilik dan dewan kuliah, kafetaria, kemudahan sukan dan kemudahan teknologi komunikasi sedang dinaiktaraf bagi keselesaan pelajar dan kakitangan.

Katanya, semua kemudahan itu mendapat sokongan padu daripada Naib Canselor UMS, Prof Dr Mohd Harun Abdullah yang mahukan pelajar menikmati kemudahan yang berkualiti dan selamat digunakan.

Beliau memberi contoh kemudahan sukan bola sepak pantai akan dibaik pulih yang bukan sahaja akan digunakan oleh pelajar dan kakitangan universiti malahan penggemar sukan berkeraan di Wilayah Persekutuan Labuan.

“ Kita sentiasa mengambil berat terhadap semua permintaan pelajar termasuk kemudahan di kolej kediaman, kemudahan sukan, ICT dan keselamatan. Semua kemudahan itu sedang dinaiktaraf bagi memastikan pelajar mendapat manfaatnya, ” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Zainul Abidin Abdullah di pejabatnya di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.

Turut hadir Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah, Timbalan

Dekan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki dan Jurutera Kanan, Jorin Matawas.

Dr Ismail berkata UMS-KAL sedia bekerjasama dengan Perbadanan Labuan menjaga kebersihan dan keindahan pantai di hadapan universiti itu bagi menarik lebih ramai pelancong tempatan dan antarabangsa mengunjungi Wilayah Persekutuan Labuan.

“ Kami juga berharap pengurusan universiti akan membenarkan pelajar baru UMS-KAL pada sesi akan datang terus mendaftar dan mengikuti sesi suai mesra di kampus ini bagi membantu menjana ekonomi tempatan dan memudahkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka, ” katanya.

Sementara itu, Zainul berkata pihaknya sedia membantu UMS-KAL menangani beberapa masalah yang dihadapi pelajar termasuk masalah anjing liar yang mengganggu keselamatan dan kesihatan serta keselesaan pelajar terutama ketika menjamu selera di kafetaria.

Katanya, Perbadanan Labuan akan menangani masalah lampu jalan untuk keselamatan pelajar menjamu selera di pantai berhampiran serta memotong dahan pokok rendang yang menghalang laluan bas universiti itu.

Tambahnya sesi taklimat mengenai Perbadanan Labuan dan industri pelancongan tempatan akan diberikan kepada pelajar supaya pelajar dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak serta pelajar antarabangsa mengetahui asal-usul sejarah Labuan dan membantu



CENDERAWASIH...Zainul (tiga dari kiri) menerima cenderamata daripada Dr Ismail di pejabatnya di Wisma Perbadanan Labuan, kelmarin.

menarik kehadiran pelancong ke pulau bebas cukai ini

“ Perbadanan Labuan juga akan memastikan kemudahan pengangkutan feri kenderaan yang menghubungkan Labuan dan Sabah

sentiasa berkualiti kerana ia sering digunakan penduduk tempatan termasuk warga UMS-KAL, ” katanya. -Oleh **JAINUDIN DJIMIN** (jainudin@newsabah-times.com.my)